



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



1
NEGERI



3
DAERAH



36
PPS AKTIF



2,016
KELUARGA




5,017
MANGSA



4
KEMATIAN

* Data sehingga 23 Februari 2026 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara



PETUNJUK

Sempadan Negeri

INDIKATOR MANGSA (ORANG)


1 – 1,000

1,001 – 5,000

Melebihi 5,000



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Sabah	Banjir 	Pitas	11	1,,371	2,701	Menurun
		Paitan	24	590	2,071	Meningkat
		Tawau	1	55	245	Tidak Berubah
	JUMLAH		36	2,016	5,017	Meningkat
JUMLAH KESELURUHAN			36	2,016	5,017	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data 23 Februari 2026 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **23 Februari 2026, jam 11.59 malam**, terdapat **tiga daerah** di negeri **Sabah** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **5,017 mangsa dalam tempoh 24 jam** (berbanding **3,649 mangsa** pada **22 Februari 2026**). Ia melibatkan **2,016 keluarga** yang ditempatkan di **36 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **28 PPS** pada **22 Februari 2026**.
- **Tiga daerah paling teruk terjejas** adalah **Pitas, Sabah (2,701 mangsa)**, **Paitan, Sabah (2,071 mangsa)** dan **Tawau, Sabah (245 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **empat kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025, satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025** dan **satu di Kuala Krai, Kelantan pada 18 Disember 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Berdasarkan analisis terhadap model-model ramalan cuaca, MET Malaysia menjangkakan terdapat penumpuan angin di Sabah dan Sarawak sehingga 24 Februari 2026. Keadaan ini berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut.
- Tiada Amaran Hujan Berterusan yang masih berkuat kuasa setakat ini.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **23 Disember 2025, tiada Amaran Banjir dan Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa kawasan berisiko tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir iaitu di LRA Paitan, Sabah. Kawasan berisiko merujuk kepada *hotspot* tanah runtuh atau cerun kritikal.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara pada 23 Februari 2026. Pemantauan berterusan oleh PIC JMG Negeri sedang dijalankan bagi memastikan situasi tanah runtuh dipantau secara rapi dari semasa ke semasa.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula Monsun Timur Laut (MTL) adalah sebanyak **32 kejadian**, Selangor merekodkan jumlah tertinggi iaitu 13 kejadian, diikuti Pahang enam kejadian. Perak, Terengganu dan Sabah masing-masing mencatat tiga kejadian, manakala Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing-masing dua kejadian sementara negeri-negeri lain tidak merekodkan sebarang kejadian tanah runtuh.
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuhraya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak 22 buah institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir di dua negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut iaitu di 21 buah sekolah rendah di Sabah dan sebuah sekolah rendah di Sarawak.
- Selain itu, sebanyak 10 buah PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir iaitu lapan buah sekolah rendah dan dua buah sekolah menengah di Sabah.
- Secara keseluruhan, seramai 67 orang murid di Sabah masih berada di PPS premis sekolah.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan sebanyak 12 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir, terdiri daripada lapan Klinik Kesihatan (KK), satu hospital, satu Klinik Desa, satu Pusat Sub Sektor (PSS) Malaria dan satu Kompleks Kesihatan Persekitaran. Daripada jumlah tersebut, hanya dua fasiliti tidak beroperasi iaitu Klinik Kesihatan Tangkarason yang telah berpindah operasi ke Klinik Kesihatan Nangoh serta PSS Malaria Tangkarason. Selebihnya fasiliti masih beroperasi seperti biasa.
- Sebanyak 17 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan ke kawasan terlibat banjir, terdiri daripada enam *Rapid Response Team* (RRT) Perubatan, 10 RRT Kesihatan dan satu pasukan *Rapid Response Team Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS). Pasukan ini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menyediakan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan, sokongan psikososial serta pencegahan penyakit kepada mangsa banjir. Tiada kecederaan dan wabak penyakit berjangkit dilaporkan setakat ini.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak 147 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir di seluruh negara sejak bermula MTL 2025/2026. Daripada jumlah tersebut, tiga masih tidak beroperasi di Sabah, masing-masing satu di Paitan, satu di Kota Marudu dan satu di Pitas.
- Sehingga Februari 2026, sebanyak 14,845,066 Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) hebahan amaran awal banjir (*SMS Blast*) telah dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12,920,399 SMS telah dihantar oleh Pengendali Rangkaian Mudah Alih (MNO) melibatkan CelcomDigi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia (TM) dan YTL Communications, manakala 1,924,667 SMS telah dihantar oleh Pengendali Rangkaian Maya Mudah Alih (MVNO) iaitu BeOne, RedOne, Tune Talk, HelloSim dan XOX.
- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)/Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS melibatkan bekalan makanan bermasakan secara pack food kepada mangsa di tiga daerah yang terjejas di Sabah. Selain itu, JKJ turut menyalurkan barang keperluan asas bencana seperti baju, toto dan *hygiene kit* kepada mangsa di PPS bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.
- Bagi pengurusan bekalan, stok makanan disimpan di Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah dan bahagian yang terlibat. Sebagai langkah penambahbaikan keperluan di PPS, JKJ sedang mengemaskini maklumat mangsa bagi memastikan keperluan asas mencukupi.
- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di negeri yang terjejas.
- Sebanyak **8 unit pam aktif dalam keadaan sedia di Sabah** manakala **18 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga di Sabah** untuk digerakkan mengikut keperluan semasa.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	SABAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	113	4x4/SUV/VAN: 3 AMBULANS/EMRS: 2 BOT/JET SKI: 3 LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	27	4x4/SUV/VAN: 3 BOT/JET SKI: 3 LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	78	4x4/SUV/VAN: 7 BOT/JET SKI: 1 LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	38	4x4/SUV/VAN: 4 AMBULANS/EMRS: 1 BOT/JET SKI: 5 LORI/FRT/LFRT: 7
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	59	-
JUMLAH			315	4x4/SUV/VAN: 17 AMBULANS/EMRS: 3 BOT/JET SKI: 12 LORI/FRT/LFRT: 18

* Data sehingga 23 Februari 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.